



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 - 22 JULAI 2025 (SABTU - SELASA)

JPV Wajibkan Mikrocip dan Pendaftaran Kuda Untuk Kawalan Wabak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	19 Julai



JPV wajibkan mikrocip dan pendaftaran kuda untuk kawalan wabak / Foto Bernama

BACHOK, 19 Julai – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi tumpuan kepada pelaksanaan pendaftaran kad pengenalan dan pemakaian mikrocip terhadap kuda, khususnya di Kelantan dan seterusnya di seluruh negara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid berkata inisiatif tersebut bertujuan untuk memudahkan pemantauan bilangan kuda serta memudahkan kawalan penyakit sekiranya berlaku penularan wabak haiwan.

“Melalui kempen ini, kita jalankan pendaftaran kuda serta menanam mikrocip atau ‘pet passport’. Ini termasuk keperluan mendaftarkan premis atau kandang (stable) kuda dengan JPV agar kita dapat mengesan (traceability) jumlah sebenar kuda yang terdapat di negeri ini.

“Langkah ini penting supaya kawalan penyakit dapat dilaksanakan dengan lebih cekap sekiranya berlaku sebarang wabak,” katanya.

Beliau berkata demikian

selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Peringkat Kebangsaan 2025 dan Pendaftaran Kad Pengenalan Kuda di Resort Sri Nipah, di sini hari ini.

berkaitan penganiayaan dan kebajikan haiwan di seluruh negara, bagi tempoh Januari hingga 10 Julai 2025.

Aduan tersebut melibatkan pelbagai jenis haiwan termasuk kucing, anjing dan



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid (tengah) menunjukan kad pengenalan haiwan / Foto Bernama

Pada majlis tersebut, sebanyak 43 ekor kuda berjaya didaftarkan dan dipasang mikrochip.

Menurut beliau, pendaftaran itu juga bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik mengenai tanggungjawab mereka terhadap kebajikan haiwan, seperti yang diamalkan ke atas haiwan peliharaan lain.

Dalam perkembangan lain, Dr Akma memaklumkan pihaknya telah menerima sebanyak 2,055 aduan

haiwan ternakan lain, dan kes disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

“Individu yang disabitkan kesalahan kerana gagal memenuhi keperluan kebajikan haiwan boleh dikenakan denda tidak kurang RM15,000 dan tidak melebihi RM75,000 atau penjara maksimum dua tahun, atau kedua-duanya,” katanya.-[BERITARTM](#)

Kelantan Bersedia Jadi Hab Industri Kuda Untuk Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Online	19 Julai



BACHOK, 19 Julai (Bernama) – Kerajaan Kelantan berhasrat untuk menjadikan negeri itu sebagai hab industri kuda dengan memanfaatkan potensi penternakan pelbagai baka kuda berkualiti yang semakin berkembang.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata pihaknya mempertimbangkan perkara itu dan bersedia bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

“Kalau kita lihat jumlah penternak kuda di Kelantan ini memang ramai kerana rakyat negeri ini menjadikan kuda sebagai hobi. Maka ia amat sesuai dengan minat masyarakat yang sangat dekat dengan dunia berkuda.

“Terdapat pelbagai jenis kuda berkualiti, daripada sekecil-kecil kuda sehinggalah sebesar-besar kuda yang ditenak di negeri ini,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Kebajikan Haiwan Peringkat Kebangsaan 2025 dan Pendaftaran Kad Pengenalan

Kuda, di sini, hari ini.

Beliau berkata dengan sokongan dan perancangan rapi, usaha tersebut bukan sahaja dapat memperkukuh taraf hidup penternak, malah berpotensi menjadikan Kelantan sebagai pusat agropelancongan baharu yang mampu menarik kedatangan pengunjung dalam dan luar negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPV Dr Akma Ngah Hamid berkata Kelantan mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai hab industri kuda di Malaysia.

Beliau berkata usaha itu perlu disokong dengan budaya pemeliharaan yang bertanggungjawab, pemantapan sistem pendaftaran dan pemantauan, selain pembangunan program latihan dan penyelidikan bagi memperkasakan industri secara menyeluruh.-

BERNAMA

JPV Terima Lebih 12,000 Aduan Kebajikan Haiwan Sejak 2021

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	19 Julai



JPV terima lebih 12,000 aduan berkaitan kebajikan haiwan/Foto Bernama

BACHOK, 19 Julai - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah menerima sebanyak 12,417 aduan berkaitan penderaan, pengabaian dan isu kebajikan haiwan sejak 2021 hingga kini.

Ketua Pengarah JPV Dr Akma Ngah Hamid berkata daripada jumlah itu, sebanyak 249 kes direkodkan pada 2021, diikuti 1,249 kes pada 2022, 1,580 kes (2023) dan 4,133 kes (2024). Bagi tahun ini pula, sebanyak 2,533 kes telah diterima setakat 10 Julai lepas.

“Sehingga kini, sebanyak 1,407 lesen telah dikeluarkan bagi aktiviti melibatkan haiwan hidup termasuk 542 lesen untuk aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan dan 865 lesen bagi penginapan haiwan hidup,” katanya.

Dr Akma berkata individu yang didapati bersalah boleh disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Beliau berkata penalti bagi kesalahan individu yang gagal memenuhi keperluan kebajikan haiwan sama ada

sebagai pemilik atau pemegang lesen, boleh dikenakan denda tidak kurang RM15,000 dan tidak melebihi RM75,000, atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Kebajikan Haiwan Peringkat Kebangsaan 2025 serta program Pendaftaran Kad Pengenalan Kuda yang diadakan di sini, hari ini.

Sementara itu, mengulas mengenai sambutan berkenaan, Dr Akma berkata tema sambutan program tahun ini ialah 'Pemilik Prihatin, Haiwan Terjaga' yang menekankan peranan penting pemilik haiwan dalam memastikan kebajikan haiwan sentiasa terpelihara dan tidak diabaikan.

Beliau berkata fokus utama tahun ini adalah kepada industri kuda, khususnya di negeri Kelantan, bahawa haiwan itu bukan sekadar haiwan peliharaan atau tunggangan biasa tetapi juga merupakan haiwan kesayangan yang mempunyai nilai emosi dan simbolik tersendiri kepada pemiliknya.

Menurutnya, kuda memainkan peranan yang signifikan dalam industri sukan, sama ada di peringkat

kebangsaan mahupun antarabangsa termasuk sukan lumba kuda, endurance, polo dan equestrian.

"Namun demikian, perlu dijelaskan bahawa industri kuda tidak dikategorikan sebagai penternakan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Oleh itu, pengurusan dan pembangunan industri kuda memerlukan pendekatan kerjasama pelbagai pihak. Dalam hal ini, peranan JPV adalah penting khususnya dalam aspek pencegahan dan kawalan penyakit haiwan yang melibatkan kuda," katanya

Beliau berkata tanggungjawab itu merangkumi pelaksanaan program vaksinasi, saringan penyakit, kawalan sempadan serta pematuhan terhadap protokol kesihatan veterinar dan biosekuriti.

"Satu daripada inisiatif yang sedang diperluas ialah penggunaan kad pengenalan haiwan yang dikenali sebagai passport haiwan peliharaan (pet passport) dan mikrochip bagi kuda. Pet passport membantu merekod maklumat kesihatan, vaksinasi, sejarah rawatan dan pemilikan, selain memudahkan urusan

pergerakan, jual beli dan pengesanan kesihatan secara lebih sistematik,” katanya.

Program berkenaan juga bertujuan mempromosikan tanggungjawab pemilik untuk menyediakan tanda pengenalan kepada haiwan dengan kad pengenalan dan mikrocip.

Selain itu, JPV juga telah melaksanakan pemasangan mikrocip dan pendaftaran kad pengenalan kepada hampir 100 ekor kuda.

Turut hadir Pengarah JPV Kelantan Dr Yahasmida Yaacob dan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.-[BERNAMA](#)

Polis Tumpaskan Kegiatan Sabung Ayam, Rampasan Bernilai RM3.28 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	20 Julai



TEMPAT penyimpanan ayam sabung baka Filipina di Tawau. FOTO Ihsan PDRM

Kuala Lumpur: Polis melumpuhkan kegiatan perjudian sabung ayam baka dari Filipina selepas menyerbu tempat penyimpanan ayam sabung itu di Tawau, Sabah, membabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM3 juta kelmarin.

Serbuan dijalankan jam 2.30 petang menerusi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) oleh pasukan Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKNDKA) Bukit Aman.

Pengarah JKNDKA, Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, operasi itu turut membabitkan pasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau, BN 14 Pasukan Gerakan Am (PGA) Tawau serta pasukan pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Cawangan Tawau, Sabah.

Menurutnya, dalam serbuan pertama di Kampung Apas Parit, Jalan Apas Parit, polis menahan dua lelaki warga Indonesia dan dua warga Filipina berusia 31 hingga 52 tahun, selain merampas 470

ayam sabung masih hidup baka dipercayai dari Filipina, 40 bilah pisau taji ayam, 130 kotak mengandungi pelbagai vitamin, 50 botol pelbagai vitamin dan 500 sangkar serta reban ayam sabung.

"Dalam serbuan kedua di Kampung Membalua Off Jalan Apas, polis menahan lelaki tempatan berusia 57 tahun dan merampas 152 ayam sabung masih hidup baka dipercayai dari Filipina.

"Nilai keseluruhan rampasan (serbuan pertama dan kedua) dianggarkan RM3,287,708. Operasi ini dilancarkan bagi membanteras sebarang kegiatan membabitkan perjudian sabung ayam di Sabah," katanya dalam kenyataan malam ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan 2015, Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 39B Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 6 Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958,

Dalam pada itu, Azmi berkata, secara keseluruhan, bagi tempoh 1 Januari sehingga 15 Julai lalu, WCB/PSK Jabatan JKNDKA Bukit Aman berjaya melancarkan sebanyak 173 serbuan di seluruh negara dan seramai 306 orang

berjaya ditahan atas pelbagai kesalahan membabitkan penyeludupan barangan tidak berkastam, ketirisan barangan kawalan dan bersubsidi, penjualan senjata tiruan, penyeludupan hidupan liar dan operasi e-waste.

"Keseluruhan nilai rampasan WCB/PSK, JKNDKA bagi tempoh yang dinyatakan dianggarkan berjumlah RM544,737,877.61.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi jaminan akan mempergiatkan risikan dan operasi bagi menjejaki serta membanteras kegiatan ini dengan lebih fokus dan berkesan demi keselamatan masyarakat dan ketenteraman awam," katanya.-[MYMETRO](#)

PGA Gagalkan Cubaan Seludup Lembu Bernilai RM150,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	21 Julai



PGA berjaya menumpaskan cubaan menyeludup lembu apabila menahan sebuah lori yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan di Jalan Utama Banggol Setol di sini pada Ahad. Foto PGA

PASIR MAS – Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menumpaskan cubaan menyeludup lembu apabila menahan sebuah lori yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan di Jalan Utama Banggol Setol di sini pada Ahad.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, pemeriksaan terhadap lori terbabit yang dilakukan sekitar jam 12.15 tengah malam menerusi Op Taring Kandang membawa kepada penemuan 10 ekor lembu di bahagian belakang

kenderaan berkenaan.

Menurut beliau, pemandu berusia 20 tahun itu gagal mengemukakan sebarang dokumen sah berkaitan pemindahan lembu berkenaan untuk rujukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

“Siasatan awal mendapati lembu itu dipercayai dibawa masuk dari Thailand dan suspek bertindak sebagai penghantar ke pasaran tempatan.

“Nilai keseluruhan rampasan

termasuk lori dianggarkan berjumlah RM150,000,” katanya kepada pemberita pada Isnin.

Nik Ros Azhan memberitahu, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953, manakala tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk tindakan lanjut.-[SINARHARIAN](#)

Dijangka Lebih Banyak Ladang Babi Di Pulau Pinang Positif ASF

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Utara	Online	21 Julai



Tiga buah ladang ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor disahkan positif jangkitan ASF berdasarkan keputusan ujian makmal yang dijalankan oleh Makmal Veterinar Zon Utara.

GEORGE TOWN - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sedang giat menjalankan siasatan dan pengambilan sampel lanjut di ladang-ladang babi berikutan jangkitan Demam Babi Afrika (ASF) di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, H'ng Mooi Lye berkata, bilangan ladang yang positif ASF dijangka akan meningkat selepas keputusan ujian makmal diperoleh.

"JPV sedang mengenal pasti tapak pelupusan yang sesuai bagi menjalankan pelupusan bangkai babi secara selamat mengikut garis panduan alam sekitar.

"ASF bukan penyakit zoonotik dan tidak menjangkiti manusia, justeru ia tidak menjejaskan kesihatan manusia serta keselamatan makanan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Mooi Lye berkata, sebanyak 822 ekor babi dari dua ladang di Pulau Pinang telah

dimusnahkan berikutan jangkitan ASF setakat 17 Julai lalu.

Menurutnya, sebanyak 13 sampel dari ladang di Seberang Perai Utara (SPU), empat dari Seberang Perai Selatan (SPS) dan satu dari daerah Barat Daya (BD) di pulau telah disahkan positif ASF.

"Setakat ini, tiga ladang disahkan positif ASF, manakala ladang-ladang lain masih dalam siasatan lanjut.

"Kesemua 822 ekor babi yang dimusnahkan berasal dari dua daripada tiga ladang yang disahkan mempunyai kes positif," ujarinya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, JPV dan pejabat daerah sedang mencari lokasi lain yang sesuai bagi tujuan pelupusan bangkai babi yang dimusnahkan akibat jangkitan ASF.

Kon Yeow berkata, setakat ini, bangkai babi yang telah dimusnahkan ditanam dalam kawasan ladang masing-masing sebagai langkah kawalan awal.

"JPV dan pejabat daerah sedang mencari lokasi lain yang sesuai sekiranya perlu," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Ketua Menteri, Komtar di sini pada Isnin.

Terdahulu, media melaporkan tiga buah ladang ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor disahkan positif jangkitan ASF berdasarkan keputusan ujian makmal yang dijalankan oleh Makmal Veterinar Zon Utara.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, dua daripada tiga ladang itu turut menunjukkan kadar kematian ternakan yang tinggi sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap potensi penularan ASF ke ladang-ladang berdekatan.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya bagaimanapun telah mengambil beberapa tindakan kawalan serta pemantauan yang rapi bagi memastikan penularan jangkitan tersebut dapat dibendung dengan segera dan berkesan.

Katanya, antara langkah kawalan yang diambil termasuk mengeluarkan Notis Sekatan dan Larangan Pemindahan Binatang di bawah Seksyen 18, Akta Binatang 1953 (Akta 647) kepada ladang-ladang yang disahkan dijangkiti.-

[SINARHARIAN](#)

Melaka Perkenal Tag Kod QR Kepada Haiwan Ternakan Tahun Depan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Online	22 Julai



Kod QR terhadap haiwan tersebut juga akan diintegrasikan dengan inisiatif Kampung Digital sebagai satu pusat data tunggal. - Gambar hiasan

MELAKA: Melaka akan memperkenalkan tag kod respons pantas (kod QR) terhadap haiwan ternakan bermula tahun depan, kata Exco kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr Akmal Saleh.

Beliau berkata langkah itu diambil kerajaan negeri bagi mengenal pasti pemilik haiwan terutama lembu dan kerbau yang sering membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalan raya hingga menyebabkan kemalangan.

"Sebelum tag kod QR itu dilaksanakan, kerajaan negeri akan mewajibkan tag secara manual di telinga haiwan ternakan terlebih dahulu bermula Ogos ini.

"Menerusi kaedah ini, tindakan boleh diambil terhadap pemilik yang ternakan mereka berkeliaran hingga menyebabkan kemalangan jalan raya dan berlaku kecederaan atau kehilangan nyawa kepada pengguna," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan dikemukakan Datuk Khaidhirah Abu Zahar (BN-Rim) yang mahu tahu status pelaksanaan teknologi kod QR atau sistem pengenalan digital ke atas haiwan ternakan bebas yang berkeliaran di jalan raya.

Mengulas lanjut, Dr Muhamad Akmal berkata kod QR terhadap haiwan tersebut juga akan diintegrasikan dengan inisiatif Kampung Digital sebagai satu pusat data tunggal.


Beliau berkata satu tempoh masa akan diberikan kepada penternak untuk menjalani latihan serta mendaftar ternakan mereka dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi melaksanakan proses tag tersebut.

Menjawab soalan tambahan dikemukakan Datuk Seri Sulaiman Md Ali (BN-Lendu) yang mahu tahu adakah kod QR berkenaan boleh dipalsukan, Dr Muhamad Akmal berkata ia agak sukar kerana teknologi digital tersebut mempunyai ciri khas unik dengan setiap tag mempunyai nombor siri berbeza.

"Kalau dia nak jual ternakan dia kepada orang lain perlu beritahu beritahu JPV untuk tukar pemilik (dan tukar kod QR)," katanya.-[ASTROAWANI](#)

Over 12,000 Abuse, Neglect Cases Reported Since 2021 – JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bername TV		Online	19 Julai



Over 12,000 abuse, neglect cases reported since 2021 – JPV

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR